

ANALISIS GAYA BAHASA ELIPSIS (*IJJAZ BI AL-HAZF*) PADA AYAT BILANGAN DALAM AL-QURAN^(*)

(An Analysis of Ellipsis Styles in 'Adadi Aspect in Quran)

Intan Nor Syahira Binti Ahmad¹, Md Nor Abdullah²

ABSTRACT

Uslub is an important aspect in order to understand the research about miracle of Quran. In spite of numerous research that had be written by researchers about styles in Quran, for one detail comprehensive and analysis about the unique style in verses that contained numeral element is not be highlighted focus in research. Thus, this study highlights the uslub by analyzing verses that contained numeral element in Quran to fill that area especially in discussion about miracle of Quran study in terms of numeral element known as numerical miracle (*I'jaz 'Adadi*). Therefore, this study aimed to analyze the uslub in the verses that contained numeral element in Quran, while discovering the function and importance of using that style. This study is using a qualitative method as analysis approach on verse 213 Surah Al-Baqarah. The result shows that the styles in the verse which contained numeral element play important role to ensure a message in verse of Quran delivered efficiently, and prove the secret behind miracle of Quran. In addition, this also shows that the unique styles or uslub in the Quran is correlated with the revelation of Quran as an amazing miracle even studied from many aspects.

Keywords: *I'jaz, 'Adadi, Numerical in Quran, Styles in Quran, Ellipsis, Rhetoric*

^(*) This article was submitted on: 16/07/2021 and accepted for publication on: 17/12/2021.

¹ Calon Ijazah Sarjana, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: intansyahira20@gmail.com (corresponding author).

² Pensyarah Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: monab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Keindahan gaya bahasa merupakan aspek penting dalam memahami kajian kemukjizatan al-Quran. Meskipun kajian gaya bahasa dalam al-Quran telah banyak dikemukakan oleh para sarjana, namun satu kajian yang komprehensif dan analisis secara terperinci mengenai keindahan gaya bahasa yang terdapat pada ayat yang mengandungi penyebutan unsur bilangan dilihat kurang mendapat perhatian. Oleh hal yang demikian, kajian ini mengetengahkan keindahan gaya bahasa dengan memerhatikan ayat yang mengandungi penyebutan unsur bilangan dalam al-Quran bagi mengisi kelompongan khususnya dalam perbincangan kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jaz 'adadi*). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis keindahan gaya bahasa elipsis (*ijaz bi al-hazf*³) yang terdapat pada ayat yang mengandungi penyebutan unsur bilangan dalam al-Quran, di samping menyingskap fungsi serta peranan penyebutan gaya bahasa tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai pendekatan menganalisis ayat 213 surah al-Baqarah. Hasil kajian mendapati bahawa penyebutan gaya bahasa pada ayat yang mengandungi unsur bilangan memainkan peranan penting dalam memastikan sesuatu mesej ayat al-Quran itu dapat disampaikan dengan lebih berkesan selain dapat menyerlahkan serta membuktikan rahsia kemukjizatan al-Quran. Di samping itu, ia juga menunjukkan bahawa keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam al-Quran adalah seiring dengan tujuan penurunan al-Quran iaitu sebagai mukjizat yang kekal menyerlah walau dikaji daripada pelbagai aspek.

Kata Kunci: *I'jaz, 'Adadi, Bilangan dalam al-Quran, Elipsis, Retorik*

1. Pengenalan

Kemukjizatan yang menunjukkan bukti kenabian Rasulullah SAW dapat dilihat daripada pelbagai aspek namun, mukjizat yang masih kekal sehingga hari ini adalah al-Quran. Hal ini demikian kerana, al-Quran tidak dikhuluskan pembicaraannya kepada bangsa tertentu seperti bangsa Arab sahaja bahkan, ia ditujukan secara menyeluruh serta merangkumi setiap lapisan masyarakat kepada golongan Muslim dan bukan Muslim. Hal ini tercetus apabila cabaran yang

³ *Elipsis (ijaz bi al-hazf)* merupakan satu gaya bahasa yang bermaksud digugurkan atau dibuang sesuatu daripada ayat sama ada dalam bentuk huruf, kata nama, sifat tanpa mencacatkan makna. Malah, perkara yang digugurkan itu dapat dikenal pasti menerusi petunjuk (*qarinah*).

dikemukakan dalam al-Quran merangkumi pelbagai peringkat sama ada dari aspek bahasa untuk bangsa Arab yang hidup ketika itu dan juga aspek-aspek lain yang muncul setelah itu.

Sementara itu, pada kurun ke-20M para sarjana Islam giat menghasilkan karya penulisan dalam bidang ilmu tafsir menggunakan kaedah baru. Beberapa pembaharuan dan perubahan dilakukan agar sesuai ketika mendepani isu-isu permasalahan kontemporari yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Walaupun ilmu tafsir adalah antara ilmu yang terawal muncul sejak zaman Rasulullah SAW namun, ilmu ini turut melalui proses perkembangan seperti ilmu-ilmu lain. Kemajuan penulisan ilmu tafsir ini seterusnya membawa kepada kajian kemukjizatan al-Quran.

Dalam pada itu, para sarjana juga berpendapat bahawa keunikan dan keistimewaan dari segi bahasa merupakan faktor utama al-Quran tidak dapat ditandingi bahkan juga merupakan kemukjizatan yang pertama ditujukan kepada masyarakat Arab⁴. Subhi Salleh turut menjelaskan bahawa para sarjana mula mementingkan perbahasan tentang kemukjizatan al-Quran ini dengan menekankan perbincangan tentang rahsia keindahan balaghah yang wujud dalam al-Quran⁵. Hal ini demikian kerana, kemukjizatan al-Quran yang utama terletak pada *fasahah* dan balaghah yang terdapat pada lafaz, gaya bahasa serta struktur sesuatu ayat.

Tambahan pula menurut Abdurrahman, gaya bahasa al-Quran adalah berbeza dengan gaya bahasa yang digunakan oleh masyarakat Arab⁶. Hal tersebut menjadikan gaya bahasa sebagai faktor utama yang melemahkan manusia mahupun jin untuk menandinginya. Jelaslah bahawa, aspek gaya bahasa ini menjadi perhatian dan ukuran berkenaan cabaran Allah SWT kepada manusia dan jin untuk mendatangkan sesuatu seperti al-Quran. Pandangan ini turut disokong oleh al-Jahiz yang berpendapat bahawa kemukjizatan al-Quran itu adalah pada kedudukannya yang tinggi dari sudut balaghah yang terdapat pada setiap ayat.

⁴ Fatma Hakim. (1998). *Mu'jizat al-Quran dan I'jaz Ilmi dalam al-Quran*. Keras kerja Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Padang.

⁵ Subhi Salleh. (1977). *Kajian al-Quran*. (Terj. Zainal Abidin Abdul Kadir). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁶ Abdurrahman. (2016). *Mukjizat Al-Quran Dalam Berbagai Aspeknya*. Al-Qolam Jurnal Pusaka.

Sehubungan itu, kajian ini mengetengahkan perbahasan tentang keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam al-Quran. Hal ini berdasarkan kepada kepelbagaiannya gaya bahasa yang terdapat pada ayat yang mengandungi unsur bilangan dalam al-Quran. Maka pengkaji berpendapat adalah wajar untuk menjalankan satu kajian analisis berkaitan hal tersebut. Ianya sebagai satu gambaran yang komprehensif berkaitan konsep kemukjizatan bilangan turut melibatkan kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bahasa. Justeru, pengkaji dalam kajian ini mengenal pasti ayat bilangan dalam al-Quran yang mengandungi penyebutan keindahan gaya bahasa bagi memahami peranan dan fungsi gaya bahasa yang terdapat pada ayat tersebut.

2. Kemukjizatan al-Quran dari pelbagai aspek

Pada awal kebangkitan Islam, kajian kemukjizatan al-Quran ditakrifkan sebagai sebuah cabaran. Peringkat-peringkat cabaran ini terbahagi kepada tiga bentuk dan ia telah disebutkan dalam al-Quran. Bertitik tolak daripada itu, para sarjana mula mengambil inisiatif untuk membahaskan ayat-ayat yang berbentuk cabaran dalam al-Quran. Seterusnya, mereka bersepakat membuat kesimpulan secara ringkas tentang kemukjizatan al-Quran antaranya ialah cabaran yang dikemukakan dari segi penerangan makna ayat, lafaz-lafaz, penyusunan struktur ayat dan isi kandungan yang diketengahkan.

Sungguhpun demikian, kajian kemukjizatan al-Quran mula dibincangkan secara giat pada kurun ke-2H⁷. Hal ini kerana antara tokoh terawal yang mula menyentuh berkenaan topik ini ialah al-Jahiz. Kemudian pada kurun ke-4H al-Khattībī pula meneruskan perbahasan kajian ini secara lebih mendalam merangkumi ulum al-Quran, balaghah juga perbincangan dari sudut bahasa turut diberi perhatian. Seterusnya, para sarjana silam seperti al-Rumānī, al-Bāqillānī, al-Jurjānī, al-Zamakhsyārī turut terlibat dalam usaha menjalankan kajian kemukjizatan al-Quran ini dengan lebih terperinci. Walau bagaimanapun, menurut Khazri Osman & Md Nor Abdullah istilah ini mula dipopularkan pada pertengahan kurun ke-3H⁸.

Selain itu, kajian kemukjizatan al-Quran ini semakin berkembang sehingga membentuk beberapa bahagian yang lain. Sebagai contoh kemukjizatan al-Quran yang dikaji dari aspek *i'jaz bayani* atau *balaghi*, *i'jaz ghaibi*, *i'jaz nafsi*, *i'jaz 'ilmi*

⁷ Al-'Aānī, Abdul Qahar. (2010). *I'jaz al-Qur'añ*. Irbid: 'Ālam al-Kutub al-Hadith.

⁸ Khazri Osman & Md. Nor Abdullah. (2019). *Keindahan Gaya Bahasa Al-Quran Dalam Uslub Hiwar Kisah Nabi Ibrahim AS*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

dan *i'jaz tasyri'i*. Adapun, menurut al-'Aānī cetusan kajian kemukjizatan al-Quran muncul rentetan daripada ayat-ayat cabaran yang dikemukakan dalam al-Quran disusuli beberapa aspek lain yang datang setelahnya⁹. Al-Sya'rawi dalam tulisannya bertajuk *Mukjizat al-Quran* telah menjelaskan bahawa al-Quran mengemukakan cabaran kepada bangsa Arab dari aspek bahasa untuk mendatangkan hal seumpama al-Quran namun tidak ada seorang pun yang berjaya untuk melakukannya¹⁰.

Di samping itu, kemukjizatan al-Quran juga dapat diteliti melalui isi kandungan ayat sebagai contoh penyebutan tentang fakta-fakta sains yang tidak dibahaskan sebagai satu disiplin ilmu pada zaman itu. Namun begitu, ia mampu difahami pada masa kini setelah dilakukan kajian yang terperinci. Hal ini demikian menjadikan sarjana mutakhir yang menyumbang dalam kajian kemukjizatan al-Quran ini terbahagi kepada dua golongan iaitu mereka yang mengkaji dari sudut *bayan* dan dari sudut sains¹¹. Menurut al-Sya'rawi Allah SWT mengemukakan cabaran dari aspek sains ketika mana Allah SWT mencabar agar mereka menciptakan seekor lalat¹². Ini disebutkan dalam surah al-Hajj ayat 73.

Aspek pertama yang muncul dalam kajian kemukjizatan al-Quran ialah kemukjizatan bahasa (*i'jaz Balaghî*) yang memfokuskan perbahasan tentang keindahan bahasa al-Quran. Ianya bertepatan dengan kepakaran masyarakat Arab Quraisy yang sedang mencapai tahap yang sangat tinggi dalam sastera pada ketika itu. Aspek ini diteliti menerusi susunan perkataan-perkataannya dalam membentuk ayat yang indah sehingga menyebabkan masyarakat Arab terpukau dan mendakwa bahawa susunan al-Quran tersebut menggunakan kekuatan sihir¹³.

Seterusnya *i'jaz Ghaybi* yang merujuk kepada kehebatan al-Quran dari sudut penyebutan tentang perkara-perkara yang telah berlaku mahupun belum berlaku

⁹ Al-'Aānī, Abdul Qahar, *I'jaz al-Qur'ān*.

¹⁰ Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (1985). *Mu'jizat al-Quran*. Terj. Ismail. Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd.

¹¹ Khazri Osman & Md. Nor Abdullah. (2019). *Keindahan Gaya Bahasa Al-Quran Dalam Uslub Hiwar Kisah Nabi Ibrahim AS*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹² Al-Sya'rawi, *Mu'jizat al-Quran*.

¹³ Fatma Hakim. (1998). Mu'jizat al-Quran dan I'jaz Ilmi dalam al-Quran. Keras kerja Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Padang.

namun ianya tidak diketahui atau diluar batasan pengetahuan Nabi SAW dan masyarakat pada waktu itu. Aspek ini jelas membuktikan bahawa al-Quran bukan ciptaan manusia bahkan kalam Allah SWT. Menurut al-Sya'rawi kemukjizatan al-Quran pada aspek ini menyentuh tentang perkhabaran perkara ghaib yang terbahagi kepada tiga jenis iaitu perkara ghaib yang telah berlalu seperti cerita tentang sejarah rasul-rasul, dan kejadian-kejadian yang menimpa umat terdahulu¹⁴. Manakala, perkara ghaib semasa merujuk kepada perkhabaran al-Quran tentang perkara ghaib yang tidak mungkin diketahui oleh Rasulullah SAW dan ianya berlaku semasa zaman penurunan wahyu atau semasa hayat Rasulullah SAW sebagai rasul. Abu Zaki mengatakan bahawa hal ini demikian dapat dilihat menerusi firman Allah SWT pada ayat 8 dalam surah al-Mujadilah yang menceritakan tentang bisikan orang-orang munafik secara tersembunyi namun ianya telah didedahkan dalam al-Quran¹⁵. Akhir sekali, perkara ghaib akan datang yang mana perkara ini telah dikemukakan dalam al-Quran berkenaan peristiwa tentera Rom dan tentera Parsi. Perkhabaran tentang kemenangan tentera Rom mengalahkan Parsi telah diceritakan dalam al-Quran serta turut dinyatakan bahawa tentera Rom akan memperolehi kemenangan itu dalam tempoh tidak sampai 10 tahun. Peristiwa ini disebut dalam surah al-Rum ayat 1-4.

Aspek ketiga ialah *i'jaz Nafsi* yang bermaksud kehebatan al-Quran dalam menyentuh jiwa dan emosi pendengar dan meninggalkan kesan yang mendalam. Manakala, *i'jaz ilmi* pula merupakan mukjizat al-Quran berdasarkan penemuan saintifik pada zaman moden¹⁶. Aspek ini secara umumnya membincangkan kajian kemukjizatan al-Quran berkaitan dengan sains dan ianya bersifat ujikaji serta experimental. Sebagai contoh fakta sains berkaitan kejadian manusia, peredaran matahari dan juga ilmu sains forensik seperti cap jari manusia.

Aspek terakhir dalam kajian kemukjizatan al-Quran yang dikemukakan oleh pengkaji pada kajian ini adalah *i'jaz tashri'i*. Aspek ini membincangkan tentang kehebatan al-Quran atau kemukjizatan al-Quran dari aspek perundangan. Ia menzhirkan lemahnya manusia untuk mencipta sebarang peraturan setanding

¹⁴ Al-Sya'rawi, *Mu'jizat al-Quran*.

¹⁵ Abu Zaki bin Haji Ismail. (2013). *Polemik I'jaz al-Qur'an dari I'jaz Balaghi hingga i'jaz 'Adadi*. The 3rd Annual International Quranic Conference 2013. (13- 14 Mac 2013). Center for Quranic Research, UM.

¹⁶ Abu Zaki Ismail. (2017). *Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nihad Jarrar Dan 'Abd al-Daim Al-Kahil*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

dengan syariat Islam dari aspek lengkap, sempurna serta keluasannya. Maka, cetusan idea dalam usaha membandingkan undang-undang Islam dengan undang-undang barat mula diberi perhatian. Al-Quran telah mendahului seluruh peradaban dalam menggubal perundangan. Prinsip-prinsip atau perundangan yang dibahaskan dalam syariat Islam kekal sejak 1400 tahun lalu berbanding prinsip-prinsip ciptaan manusia yang sering mengalami perubahan.

3. Aspek bilangan dalam al-Quran sebagai *i'jaz*

Para sarjana telah mengkaji al-Quran daripada berbagai aspek sehingga ada dalam kalangan mereka yang menghitung bilangan ayat, huruf, bilangan lafadz serta titik yang terdapat dalam al-Quran¹⁷. Dari sudut lain pula, Mikdar Rusdi mengatakan bahawa perbincangan berkaitan bilangan dalam al-Quran ini melibatkan sebanyak 315 bentuk bilangan yang mana setiap satunya mempunyai konotasi, makna dan hikmah yang unik¹⁸. Hal ini demikian kerana, penyebutan unsur bilangan serta sistemnya yang terdapat dalam al-Quran mengandungi signifikan yang tertentu. Manakala, Caner Taslamān berpendapat bahawa semua surah yang terdapat dalam al-Quran sehingga kepada perkataan yang digunakan dalam setiap ayat mempunyai susunan dan menggunakan kod matematik khusus¹⁹.

Dalam pada itu, kemunculan kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jaz 'adadi*) sebagai satu topik baru meluaskan lagi lapangan kajian ulum al-Quran khususnya perbahasan berkaitan kemukjizatan al-Quran. Topik yang pada awalnya muncul kerana ayat-ayat cabaran dalam al-Quran akhirnya berkembang sehingga menyentuh pelbagai disiplin ilmu termasuk aspek bilangan ('adadi) dalam ilmu matematik. Sungguhpun demikian, pendekatan yang digunakan oleh para pengkaji dalam menjalankan kajian *i'jaz 'adadi* ini perlu dititikberatkan agar sesuai dengan piawaian akademik dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana mazhab atau aliran tertentu. Kajian ini mampu menghasilkan input baru terutama dalam kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jaz 'adadi*) sekiranya penelitian dilakukan dengan lebih mendalam. Hal ini disebabkan oleh sistem penyusunan yang disulam dengan keindahan seni bahasa

¹⁷ Al-Kabisī, 'Abd Wāhid Ḥamīd & Muḥammad Sāmī Farhān. (2013). *Lughah al-Arqām wa Athāruhā fi Dirāsah al-Quran al-Karīm wa I'jāzihī*. Kertas persidangan di The 3rd Annual International Quranic Conference 2013 (MUQADDAS III), 13-14 March 2013, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

¹⁸ Mikdar Rusdi. (2014). *Konotasi Angka Dalam Al-Quran: Suatu Pendekatan Tafsir Maudū'i*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

¹⁹ Caner Taslamān. (2010). *Unchallengeable Miracle*. Terj: Ary Nilandari. Bandung: Mizan.

al-Quran ini mengandungi makna tersirat juga maksud tersurat yang boleh difahami.

Selain itu, kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jaz 'adadi*) adalah kemukjizatan al-Quran yang turut dikaji dari sudut *balaghi*. Menurut Intan Nor Syahira Ahmad & Md Nor Abdullah sikap sesetengah pengkaji yang sering mengetengahkan teori matematik merupakan suatu fenomena yang dianggap tidak relevan dalam kajian kemukjizatan bilangan (*i'jaz 'adadi*)²⁰. Hal ini demikian kerana kemukjizatan al-Quran adalah fokus utama manakala aspek bilangan sebagai sumber kedua. Ianya agar selaras dengan tujuan utama kajian bilangan untuk menyerlahkan kehebatan dan kemukjizatan al-Quran seperti yang dicetuskan oleh sarjana kurun ke-20M iaitu Badi' al-Zaman Sa'id Nursi dalam Risalah Nur²¹.

Secara keseluruhan, kajian '*ijaz*' dengan menekankan perbincangan gaya bahasa adalah perkara asas yang penting untuk mengkaji topik berkaitan kemukjizatan al-Quran merangkumi kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan. Kepentingan kedua-dua topik ini iaitu kajian *i'jaz* dan gaya bahasa turut diakui oleh sarjana sejak dahulu lagi. Malah, dengan mengenal pasti keindahan gaya bahasa yang terdapat pada ayat mampu membentuk kefahaman yang jelas bagi mendalami maksud tersirat yang ingin disampaikan dalam sesuatu ayat itu. Justeru, kajian ini juga mampu membawa kepada penemuan sesuatu yang menarik tentang ayat yang mengandungi penyebutan bilangan, hitungan dan susunan dalam al-Quran.

Disamping itu, ianya membuktikan bahawa kajian bilangan ('*adad*') dan mukjizat bilangan (*i'jaz 'adadi*) adalah berteraskan Islam dan perkembangannya juga berlaku di kalangan umat Islam sendiri bahkan sebelum kemunculan ajaran sesat lagi. Abu Zaki Ismail menyatakan pandangan daripada Ahmad Qasim Kassar yang turut menegaskan tentang keperluan hasil kajian bilangan ('*adad*)

²⁰ Intan Nor Syahira Ahmad & Md Nor Abdullah. (2021). *Tinjauan Literatur Kajian Bilangan Dalam Al-Quran: Satu Tinjauan Umum*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 4(2), m.s105-119.

²¹ Abu Zaki Ismail. (2013). Klasifikasi Data dan Penemuan Kajian Angka Dalam al-Qur'an. Kertas persidangan The 3rd Annual International Quranic Conference 2013 (MUQADDAS III), 13-14 March 2013, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

dikategorikan sebagai mukjizat yang mempunyai keseimbangan dan keharmonian, kehalusan, dan juga keindahan²².

4. Kemukjizatan Al-Quran Dari Aspek Gaya Bahasa (*I'jaz Bayani*)

Al-Sya'rawi menjelaskan bahawa walaupun masyarakat Arab yang hidup pada zaman al-Quran diturunkan itu berada pada tahap ketinggian balaghahnya namun mereka mengakui dan merasa kagum dengan keindahan ayat-ayat al-Quran kerana balaghahnya²³. Namun begitu, menurut Subhi Salleh mereka telah terpesona dengan *uslub* al-Quran dan cuba menirunya tetapi gagal²⁴. Hal ini demikian kerana, kemukjizatan al-Quran itu terletak pada susunannya yang menarik dan keindahan lafaznya yang melumpuhkan semua usaha manusia²⁵. Dengan kata lain, cabaran al-Quran supaya mereka menghasilkan sesuatu seperti al-Quran itu termasuk agar mereka menyusun mengikut *uslub*, *ta'bir* ayat seperti *ta'bir* al-Quran serta mendatangkan sesuatu gambaran (perumpamaan) seperti yang terdapat dalam al-Quran²⁶.

5. Kepentingan ilmu Balaghah dalam kajian kemukjizatan al-Quran

Kemunculan kajian-kajian yang membincangkan tentang keindahan gaya bahasa menunjukkan bahawa ianya antara aspek kemukjizatan yang perlu diperhatikan ketika mengkaji ayat al-Quran²⁷. Keistimewaan gaya bahasa yang disebutkan dalam al-Quran ini juga merupakan salah satu daripada kemukjizatan al-Quran yang ditujukan kepada umat Islam. Hal ini wujud daripada dorongan untuk memahami perkara tersebut dengan memerhatikan gaya bahasa dan ianya telah dibahaskan sejak dahulu lagi oleh para sarjana.

²² Abu Zaki Ismail. (2017). *Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nihad Jarrar Dan 'Abd al-Daim Al-Kabil*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

²³ Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (1985). *Mu'jizat al-Quran*. Terj. Ismail. Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd.

²⁴ Subhi Salleh. (1977). *Kajian al-Quran*. (Terj. Zainal Abidin Abdul Kadir). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²⁵ Al-Sya'rawi, *Mu'jizat al-Quran*.

²⁶ Subhi Salleh. (1977). *Kajian al-Quran*. (Terj. Zainal Abidin Abdul Kadir). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²⁷ Shahirah & Md. Nor Abdullah. (2019). *Estetik Taqdim Dan Ta'khir Dalam Surah Al-Baqarah*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(2), m.s85-92.

Aḥmad Ḥasan Farḥāt memetik pandangan Ibn Taimiyyah yang berpendapat bahawa unsur balaghah termasuk dalam salah satu daripada tanda-tanda yang membuktikan kewujudan mukjizat al-Quran²⁸. Oleh sebab itu, ilmu balaghah menjadi ilmu yang sangat penting untuk dikaji bagi memahami keajaiban dan rahsia yang terkandung dalam al-Quran. Tambahan pula menurut Khazri Osman & Md Nor Abdullah, ilmu balaghah memainkan peranan penting dalam mengetengahkan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat dan mendalam²⁹.

Daripada perspektif yang berbeza, Nabilah Halim & Suhaila Zailani menjelaskan bahawa ilmu balaghah (retorik) Arab adalah ilmu yang menghiasi keindahan seni bahasa³⁰. Ianya merupakan ilmu yang sangat penting untuk dipelajari kerana merupakan teras utama bagi memahami makna tersirat mahupun tersurat yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Kepentingan ilmu ini sering dinyatakan oleh sarjana ketika mentafsirkan sesuatu ayat. Contohnya, al-Zamakhshari seorang sarjana yang terkenal dalam bidang bahasa dan balaghah (retorik) turut menekankan perbincangan tentang penyebutan gaya bahasa ketika menjelaskan sesuatu ayat.

Ilmu balaghah mempunyai peranan yang penting dalam bidang tafsir al-Quran. Badiuzzaman Said Nursi ketika menjelaskan tentang balaghah (retorik) mengatakan bahawa bidang yang menakjubkan ini dapat dilihat menerusi keindahan susunan al-Quran, keistimewaan gaya bahasanya serta kefasihan lafaznya³¹. Namun demikian, menurut Khazri Osman & Md Nor Abdullah maksud yang tersirat itu dapat dirungkai melalui kajian *uslub* bahasa yang dinyatakan pada sesuatu ayat³². Hal ini disebabkan oleh keindahan gaya bahasa menjadi teras utama yang perlu dititikberatkan dan berperanan sebagai salah satu

²⁸ Aḥmad Ḥasan Farḥāt. (2007). *Al-Dawābiṭ al-Syar‘iyyāh li Dirāsah al-Ijāz al-‘Adādī fī al-Qurān*. Buhūth al-Nadwāh al-Thāniyyah li Ijāz fī al-Qurān al-Karīm Al-‘Ijāz Al-‘Adādī Fi Al-Qurān Al-Karīm di Dubai International Holy Quran Award. 12&13 Mac.

²⁹ Khazri Osman & Md. Nor Abdullah. (2019). *Keindahan Gaya Bahasa Al-Quran Dalam Uslub Hiwar Kisah Nabi Ibrahim AS*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁰ Nabilah Halim & Suhaila Zailani. (2020). *Penterjemahan Isti’arah Kepada Metafora Dalam Kajian-Kajian Lepas*. Sains Insani, 5(2), m.55-11.

³¹ Badiuzzaman Said Nursi. (2019). *Al-Mu’jizāt al-Qur’āniyyāh*. Terj. Fauzi Faisal Bahreisy. Banten: Risalah Nur Press.

³² Khazri Osman & Md. Nor Abdullah, *Keindahan Gaya Bahasa Al-Quran Dalam Uslub Hiwar Kisah Nabi Ibrahim AS*.

aspek dalam menyerlahkan lagi topik berkenaan *al-i'jaz al-Quran* (kemukjizatan al-Quran).

Begitu juga dengan kepelbagaiannya aspek kajian kemukjizatan al-Quran yang diketengahkan perlu mementingkan penjelasan keindahan gaya bahasa yang terdapat pada ayat yang dibincangkan. Hal ini terjadi kerana keindahan gaya bahasa yang dikenali sebagai *i'jaz bayani* merupakan aspek terawal yang muncul dalam kajian tersebut. Maka, perbincangan secara *i'jaz bayani* sebagai asas perlu diberi perhatian oleh para pengkaji yang menjalankan kajian kemukjizatan bagi menyerlahkan lagi kajian yang dinyatakan ini termasuk kajian kemukjizatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jaz 'adadi*).

5. Gaya Bahasa Elipsis (*Ijaz bi al-Hazf*) Dalam Al-Quran

Definisi *al-ijaz* dapat difahami dengan makna ringkas, padat, sedikit kata namun mempunyai banyak makna³³. Selain itu, menurut Mohamad Amir Mohd Dahalan *al-ijaz* juga bermaksud mengemukakan makna daripada ungkapan yang ringkas dengan menjelaskan makna-makna yang luas merentasi disiplin ilmu³⁴. Dengan kata lain, *al-ijaz* adalah menyatakan suatu ungkapan tanpa mengurangkan lafadz atau menghilangkan serta merosakkan makna. Selain itu, gaya bahasa *al-ijaz* ini berfungsi untuk meringkaskan sesuatu ayat agar ianya lebih mudah difahami. Ini kerana, bahasa Arab amat cenderung kepada penggunaan ayat yang berbentuk ringkas, *al-ijaz* dan *baligh*. Secara tidak langsung *al-ijaz* juga menjadi kayu ukur dalam menentukan ketinggian nilai sesuatu bahasa tersebut.

Keindahan gaya bahasa *al-ijaz* merupakan salah satu daripada kehebatan dalam kajian kemukjizatan (*i'jaz*) al-Quran. Walaupun sesuatu gaya bahasa itu telah digugurkan daripada ayat tersebut namun, ia mempunyai *ta'kid lafziy* ataupun *ta'kid maknawiyy* bagi mengenal pasti gaya bahasa yang telah digugurkan itu. Petunjuk (*qarinah*) bagi setiap ayat juga perlu dikaji bagi menguatkan lagi pembuktian tentang gaya bahasa yang telah digugurkan. Selain itu juga, ianya dilihat sesuai dan bertepatan dengan susunan *qafiyah* Arab. Mohamad Amir Mohd Dahalan membahaskan ungkapan Irfan Yafie yang menjelaskan bahawa

³³ Hamzah & Basri Mahmud. (2020). *Penggunaan Asalib Al-Ma'ani Di Beberapa Ayat Dalam Al-Qur'an Al-Karim*. Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab VI Malang, 4 Oktober 2020, m.s899-905.

³⁴ Mohamad Amir Mohd Dahalan. (2017). *Dilalah Ijaz Dalam Juz Amma Dan Hubungannya Dengan Penciptaan Manusia Dan Alam*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam, UKM.

penggunaan gaya bahasa *al-ijaz* adalah lebih banyak berbanding gaya bahasa *itnab* kerana pada dasarnya al-Quran itu adalah *al-ijaz*³⁵.

Elipsis atau *ijaz bi al-hazf* al-Quran merupakan salah satu topik penting yang dibincangkan dalam bab *al-ijaz*. Al-Hāshimī, menerangkan bahawa *ijaz bi al-hazf* bermaksud digugurkan atau dibuang sesuatu daripada ayat samada dalam bentuk huruf, kata nama, sifat tanpa mencacatkan makna. Malah, perkara yang digugurkan itu dapat dikenal pasti menerusi petunjuk (*qarinah*)³⁶. Hal ini bertepatan dengan terjemahan dalam bahasa Melayu bagi perkataan elipsis (*ijaz bi al-hazf*) yang bermaksud pengguguran sebahagian kata dalam suatu ungkapan namun ianya dapat difahami menerusi konteks ayat³⁷.

Selain itu, menurut Mohd Shahrizal Nasir juga penggunaan *al-hazf* bertujuan untuk menunjukkan perkara yang positif seperti meringkaskan, memberi peringatan, meringankan, memuliakan serta memberi maksud umum dalam pertuturan atau penulisan³⁸. Menurut Faizah Ali Syibromalisi, *ijaz bi al-hazf* juga merupakan salah satu daripada kemukjizatan al-Quran yang menggambarkan kekayaan makna serta keindahan gaya bahasa³⁹. Ini kerana menurut ‘Abd Qahir al-Jurjani sesuatu lafadz yang digugurkan daripada teks al-Quran itu menjadikan ayat tersebut lebih *ablagh* (*mantap*) dari disebutkan.

Suhaimi menyatakan bahawa *al-hazf* merupakan salah satu tema penting dalam ilmu bahasa Arab dan merupakan gaya bahasa yang mengandungi rahsia yang sangat menarik untuk diungkap, sehingga mampu dikaji daripada pelbagai bentuk, kedudukan, sebab dan tujuan serta faedahnya secara jelas⁴⁰. *Uslub* atau

³⁵ Mohamad Amir Mohd Dahalan. (2019). *Hubungan Dilalah Ijaz dalam Juz 'Amma dengan Alam dan Penciptanya*. GJAT, 9 (1), m.s93-111.

³⁶ Al-Hāshimī, Ahmād al-Saīd. (1994). *Jawāhir Al-Balāghah fī al-Ma‘āni wa al-Bayān wa al-Bādī*. Bayrūt: Dār al-Fikr.

³⁷ *Kamus Dewan*, (2005). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

³⁸ Mohd Shahrizal Nasir. (2017). Elipsis (*al-Hadhf*) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah. MANU Bil. 25, m.s159-179.

³⁹ Faizah Ali Syibromalisi. (t.th). Uslub al-Hazf Dan Efek Psikologis Estetika Al-Quran Terhadap Pembaca Dan Pendengarnya.

<https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/31014/1/Faizah%20Ali%20Syibromalisi-FU.pdf>, dicapai pada tarikh 21 Jun 2021.

⁴⁰ Suhaimi. (2018). Rahasia Al-Hazfu Dalam Gaya Bahasa Al-Quran. Al-Mu‘ashirah, 15(2).

Al-Sya’rawi, Muhammad Mutawalli. (1985). Mu’jizat al-Quran. Terj. Ismail. Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd.

gaya bahasa yang menggunakan *al-hazf* ini terdapat banyak dalam al-Quran dan ia bertujuan untuk meningkatkan keimanan sekaligus untuk menambah perbendaharaan gaya bahasa yang memiliki nilai-nilai sastera yang tinggi.

Al-Hāshimī menjelaskan bahawa terdapat 12 bentuk *al-hazf* iaitu yang dibuang atau tidak disebut (*mahzuf*) antaranya berbentuk huruf, *isim mudhaf*, *isim mudhaf ilaih*, *isim maushuf*, *isim sifat*, *syarat*, *jawab syarat*, *musnad*, *musnad ilaih*, *muta' alliq*, satu ayat atau melibatkan beberapa ayat⁴¹. Kesemua bentuk-bentuk gaya bahasa *al-hazf* ini mempunyai peranan dan fungsi yang khusus. Sebagai contoh, gaya bahasa *ijaz bi al-hazf* (elipsis) yang digunakan untuk mempelbagaikan gaya penulisan, mengurangkan jumlah perkataan serta memberi penekanan kepada maksud sesuatu ayat⁴². Keadaan ini secara langsung membuktikan bahawa elipsis (*ijaz bi al-hazf*) merupakan keistimewaan al-Quran dan mengandungi laras bahasa Arab yang tinggi serta sarat dengan keindahan juga kedalaman tatabahasa Arab sekaligus menunjukkan bahawa pemahaman terhadap ayat al-Quran memerlukan pengetahuan yang baik tentang tatabahasa Arab⁴³. Syukri et al. mengklasifikasikan empat kategori utama *ijaz bi al-hazf* (elipsis) di dalam al-Quran seperti berikut:

- i. *Hazf al-huruf* (elipsis huruf)
- ii. *Hazf al-kalimah* (elipsis perkataan)
- iii. *Hazf al-jumlah* (elipsis ayat)
- iv. *Hazf al-tarkib* (elipsis rangkaian kata)⁴⁴

6. Kajian Kemukjizatan Al-Quran Secara *Bayani* Pada Ayat Bilangan

Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang keindahan gaya bahasa elipsis (*ijaz bi al-hazf*) pada ayat yang mengandungi penyebutan bilangan dalam surah al-Baqarah ayat 213. Di samping itu, tinjauan daripada kajian mendapati al-Zuhaily ada mengemukakan perbincangan tentang gaya bahasa yang terdapat

⁴¹ Al-Hāshimī, Ahmad al-Saīd. (1994). *Jawāhir Al-Balāghah fi al-Ma‘āni wa al-Bayān wa al-Bādi’*. Bayrūt: Dār al-Fikr.

⁴² Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, Morni Hussin & Arbai'e Sujud. (2020). *Penanda Elipsis Dalam Cerpen Dari Perspektif Stilistik*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 7(1), m.s176- 199.

⁴³ Mohd Shahrizal Nasir. (2017). Elipsis (*al-Hadhf*) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah. MANU Bil. 25, m.s159-179.

⁴⁴ Rahman, M. S. A., Hussin, M. N., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., Abidin, S. Z., Salahuddin, N. (2018). Uslub Al-Hadhf (Elipsis) Dalam AlQuran. International Journal of Humanities, Philosophy, Language, 1(3), m.s60-78.

pada ayat yang mengandungi penyebutan unsur bilangan dalam al-Quran⁴⁵. Topik ini mempunyai ruang perbahasan yang amat luas. Hal ini kerana keindahan gaya bahasa bagi ayat yang mengandungi penyebutan unsur bilangan ini merangkumi ilmu *al-bayan*, ilmu *al-ma'ani* dan ilmu *al-badi'*. Antaranya seperti berikut:

1. Elipsis (*i'jaz bi al-hazf*)
2. Perumpamaan (*isti'arah tamthiliyyah*)
3. *Itnab*
4. *Tibaq*
5. *Muqabalah*
6. *Kinayah*
7. *Jinas*

Sungguhpun demikian, kajian ini hanya memfokuskan keindahan gaya bahasa berbentuk elipsis (*ijaz bi al-hazf*) yang terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 213 sahaja. Analisis elipsis pada ayat 213 ini dilakukan secara *bayani* dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang menekankan perbahasan berkaitan penyebutan keindahan gaya bahasa pada ayat tersebut. Tafsiran secara *bayani* atau *balaghi* bertujuan untuk mengetahui fungsi dan peranan penyebutan gaya bahasa yang terdapat pada ayat yang dinyatakan itu.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 213:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَحْدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ الْبَيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَبَ بِالْحُقْقِ
لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا لِلَّهِ الْذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا
جَاءَهُمُ الْبَيِّنُونَ بَعِيْدًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الْذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنْ الْحُقْقِ يَإِذْنِهِ
وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرْطِ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya:

Pada mulanya manusia itu umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisih), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi

⁴⁵ Al-Zuhayli, Wahbah. (2011). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dâr al-Fikr.

itu Kitab-kitab Suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan dan sebenarnya tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka kitab-kitab suci. Iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata kemudian mereka berselisih semata-mata kerana basad dengki sesama sendiri. Maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang yang beriman ke arah kebenaran akan perkara yang mereka berselisih itu dengan izinNya dan Allah sentiasa memberi petunjuk serta hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus menurut undang-undang dan peraturanNya.

(Al-Baqarah: 213)

Penerangan ayat

Al-Zuhayli menyatakan bahawa ayat ini menerangkan tentang keperluan manusia kepada para Nabi dan Rasul untuk mengembalikan mereka kepada jalan yang benar setelah berlakunya perselisihan⁴⁶. Manakala al-Qurtubi menjelaskan bahawa ayat *kāna an-nās ummatan wāhidatan* menerangkan tentang manusia itu dahulunya berpegang kepada agama yang sama⁴⁷. Ibn ‘Ashūr pula berpendapat bahawa maksud yang lebih tepat bagi ayat ini adalah satu keturunan yang sama⁴⁸. Ianya juga menunjukkan keadaan masyarakat pada permulaan iaitu keluarga Nabi Adam dan Hawa’ serta anak-anaknya hidup dengan satu agama, satu kepercayaan dan satu kefahaman sahaja⁴⁹. Sepertimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran bahawa pada asalnya atau secara fitrahnya manusia adalah umat yang satu yang mengakui bahawa Allah itu Esa⁵⁰.

Al-Alusi berpendapat bahawa masyarakat yang hidup pada zaman Nabi Adam bersatu dalam pegangan beragama dan turut bersepakat dalam perkara tauhid⁵¹.

⁴⁶ Al-Zuhayli, Wahbah. (2011). *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syari‘ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dār al-Fikr.

⁴⁷ Al-Qurtubi. (1940). Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. *Al-Jāmi’ li Akhāk al-Qurān*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

⁴⁸ Ibn ‘Ashūr. (1984). *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār al-Tunisia li al-Nashr.

⁴⁹ Sayyid Qutb. (2000). *Tafsīr Fi Zilal al-Qurān*. Terj: Yusoff Zaky Hajji Yacob. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

⁵⁰ HAMKA. (1965). *Tasir al-Azhar*. Jakarta: P.T Pembimbing Bangsa.

⁵¹ Al-Alusi, Mahmud. (t.th.). *Tafsīr Rūh al-Ma’āni fī al-Qurān al-‘Azīm*. Bayrūt: Ahya’ al-Turāth al-‘Arabi.

Al-Ṭabarī menjelaskan bahawa mereka juga berpegang pada syariat yang sama dan hidup pada zaman Nabi Adam sehingga Nabi Nuh yang dianggarkan jarak di antara keduanya ialah selama 10 kurun⁵². Masyarakat yang hidup pada ketika itu beragama seperti agama Nabi Adam AS sehingga mereka mula menyembah berhala dan kemudiannya Allah SWT mengutuskan Nabi Nuh sebagai rasul pertama kepada mereka.

Sungguhpun demikian, pengertian *ummah* dalam al-Quran ditakrifkan dengan pelbagai maksud namun berdasarkan kesesuaian konteks ayat yang dinyatakan ini, ianya lebih tepat difahami sebagai *al-millah* kerana keseluruhan para Nabi dan Rasul yang diutuskan itu berpegang kepada agama yang sama dan satu. Hal ini demikian kerana menurut al-Zuhaylī ayat ini menceritakan tentang manusia itu yang pada mulanya berpegang kepada agama (*millah*) yang satu iaitu beriman kepada yang benar kemudian mereka berselisih menyebabkan sebahagian daripada mereka kekal beriman manakala sebahagian lain hidup dalam kekufturan⁵³.

Secara umumnya ayat ini menjelaskan berkenaan tujuan utama diutuskan para Nabi dan Rasul kepada umat manusia iaitu sebagai pembawa berita gembira dan juga peringatan. Lafaz *ummātan wahidatān* pada ayat ini bermaksud satu agama. Sebahagian ulama berpendapat bahawa perkataan umat di sini merujuk kepada Nabi Adam dan keturunannya. Hal ini demikian kerana, di antara Nabi Adam AS dan Nabi Nuh AS masyarakat ketika itu adalah masyarakat yang beragama Islam dan berpegang teguh kepada satu agama yang benar⁵⁴.

Walau bagaimanapun, perselisihan mula berlaku 10 kurun setelah itu ketika manusia mula berpecah belah dan menyingkirkan agama mereka. Kemudian, Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul kepada umat manusia agar mereka tidak terus hidup dalam kesesatan. Menurut Ibn Kathir, Nabi Nuh AS merupakan Rasul yang pertama diutuskan bagi memimpin manusia diikuti beberapa Nabi dan Rasul setelah itu⁵⁵. Oleh hal yang demikian, para ulama

⁵² Al-Ṭabarī. (2008). *Tafsīr al-Ṭabarī*. Ahmad Abdurraziq al-Bakri (pnyt.). Jakarta: Pustaka Azzam.

⁵³ Al-Zuhaylī, Al-Sya’rawi, *Mu’jizat al-Quran*.

⁵⁴ Al-Syawkānī. (2008). *Tafsīr Fath al-Qadīr*. Sayyid Ibrahim (pnyt.). Jakarta: Pustaka Azzam.

⁵⁵ Ibn Kathir. (2009). *Sahīḥ Tafsīr Ibn Kathir*. Terj: Ibn Ihsan al-Atsari. Jakarta: P.T Pustaka Ibn Kathir.

bersepakat mengatakan bahawa agama, aqidah serta syariat yang satu itu merujuk kepada agama Islam.

7. Gaya bahasa Elipsis (*Ijaz bi al-Hazf*) pada ayat 213

Pada ayat 213 dalam surah al-Baqarah ini terdapat elemen balaghah (retorik) yang berbentuk elipsis (*ijaz bi al-hazf*). *Al-ijaz* secara elipsis adalah gaya bahasa yang melibatkan sama ada pengguguran beberapa komponen tertentu dalam sesuatu ayat, pengguguran ayat atau pengguguran beberapa ayat secara serentak. Maka, fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis potongan ayat *kana annas ummatan wahidatan* yang terdapat pada ayat 213 dan mengandungi penyebutan keindahan gaya bahasa berbentuk elipsis (*ijaz bi al-hazf*). Berdasarkan ayat yang dinyatakan itu maka jelas terdapat pengguguran (elipsis) pada ayat tersebut. Lafaz *fakhtalafū* yang digugurkan pada ayat 213 ini merupakan sebab utama Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul sebagai pemberi khabar gembira mahupun amaran. Ianya digugurkan atau tidak disebutkan kerana mempunyai fungsi dan peranan tertentu.

Di samping itu, menerusi ungkapan tunjuk (*qarinah*) yang ditemui maka pengkaji mendapati bahawa ayat 213 iaitu pada potongan ayat *fakhtalafū* ini merupakan gaya bahasa elipsis yang dikategorikan sebagai elipsis ayat (*ijaz bi al-hazf al-jumlah*). Ungkapan tunjuk bagi ayat yang dinyatakan ini juga dapat difahami daripada beberapa sudut antaranya melalui ungkapan pandangan para sarjana, struktur ayat dan juga dapat diketahui menerusi potongan ayat yang sama namun mengandungi penyebutan atau penerangan tentang perkara yang telah digugurkan itu. Justeru itu, pengkaji mengemukakan beberapa sudut ungkapan tunjuk (*qarinah*) yang telah dikenal pasti untuk merungkai gaya bahasa elipsis pada ayat 213 ini seperti berikut:

i. Pandangan sarjana

Al-Maghmasi dalam kitabnya bertajuk *silsilat mahasin takwil* mengemukakan pandangan bahawa *taqdir* ayat 213 ini pada asalnya adalah *annahum ikhtalafū wa haadu anil fitrah wa ghayyaru al fitrah*⁵⁶. Manakala, menurut al-Qurtubi dalam riwayat Ibn Mas'ud menyatakan bahawa ayat tersebut turut dibaca dengan sempurna (*tamam*) seperti berikut iaitu *kana an-nas ummatan wahidatan fakhtalafū*. Penjelasan berikut menunjukkan bahawa terdapat penyebutan lafadz *fakhtalafū* secara jelas pada ayat itu. Al-Syawkānī pula menegaskan hal ini dengan

⁵⁶Al-Maghmasi. (t.th.). *Silsilah Mahasin al-Takwil*.

<https://al-maktaba.org/book/32263/203>, dicapai pada 6 Jun 2021.

merujuk kepada ayat *fa ba'athallahu nabiyin* yang datang setelah potongan ayat *kana an-nas ummatan wahidatan* merupakan ungkapan tunjuk (*qarinaḥ*) bahawa potongan ayat *fakhtalafū* telah digugurkan (*mabzuf*) seperti mana yang dibaca dalam qiraat Ibn Mas'ud *kana an-nas ummatan wahidatan fakhtalafū fa ba'athallahu nabiyin*⁵⁷.

ii. Struktur ayat

Selain itu, ungkapan tunjuk (*qarinaḥ*) bagi gaya bahasa *ijaz bi al-hazf* (elipsis) bagi ayat 213 ini juga dapat difahami menerusi surah Yunus ayat 19 iaitu pada ayat '*wamā kāna an-nās illā ummatan wahidatan fakhtalafū*'. Hal ini demikian kerana, tema bagi kedua-dua ayat ini adalah sama iaitu tentang kesatuan umat. Secara umumnya, ayat ini berbentuk *al-tanbih* yang berfungsi sebagai penegasan bahawa tauhid adalah fitrah yang Allah kurniakan kepada manusia. Malah menurut al-Baqā'i dalam kitabnya bertajuk *nazm al-Dirar lil Baqa'i* menjelaskan bahawa lafadz '*wahidatan*' pada ayat tersebut bermaksud jalan yang lurus namun, setelah itu mereka membuat kesilapan dan berselisih serta berpecah seperti yang dinyatakan dalam surah Yunus ayat 19⁵⁸. Hal ini turut diungkapkan oleh Ibn 'Ashūr dalam kitab tafsirnya bertajuk *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*, beliau turut berpendapat bahawa pengguguran lafadz *ikhtifa* pada potongan ayat 213 surah al-Baqarah dapat diketahui melalui struktur ayat 19 dalam surah Yunus⁵⁹. Seperti firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ الْنَّاسُ إِلَّا أُمَّةٌ وَحِدَةٌ فَاتَّخَلَفُوا

Maksudnya:

Dan ketahuilah bahawa manusia pada mulanya tidak memeluk melainkan agama yang satu iaitu agama Allah, kemudian dengan sebab menurut hawa nafsu dan Syaitan, maka mereka saling berselisih.

(Yunus: 19)

iii. Pada potongan ayat yang sama

⁵⁷ Al-Syawkānī. (2008). *Tafsīr Fath al-Qadīr*. Sayyid Ibrahim (pnyt.). Jakarta: Pustaka Azzam.

⁵⁸ Al-Baqā'i. (t.th.). *Nazm al-Durār*. | الباحث القرائي | 2:213 | نظم الدرر للبقاعي | (tafsir.app), dicapai pada tarikh 21 Jun 2021.

⁵⁹ Ibn 'Ashūr. (1984) . *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār al-Tunisia li al-Nashr.

Bahkan, *qarinah* yang menunjukkan bahawa terdapat elipsis pada ayat 213 ini juga dapat diperhatikan dengan merujuk kepada potongan ayat yang sama setelah lafaz tersebut seperti firman Allah SWT:

لِيَحُكُمْ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا أَخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا أُخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أَوْتُوهُ

Maksudnya:

..bertujuan untuk menjalankan hukum antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan dan sebenarnya tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka kitab-kitab suci.

(Al-Baqarah: 213)

Al-Nahhas dalam kitabnya bertajuk *I'rāb al-Qurān* yang dinukilkan daripada Abu Ja'afar yang turut menerangkan bahawa daripada sudut makna dan *taqdir* ayat ini pada mulanya manusia itu umat yang satu menurut agama Allah SWT yang satu kemudian mereka berselisih lalu Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul kepada mereka⁶⁰. Menurut beliau, pengguguran pada ayat ini dapat difahami dengan merujuk kepada ayat yang datang setelahnya pada potongan ayat *wa makhtalafa fihī illal lazīna ūtūhu* yang menunjukkan bahawa pada mulanya manusia itu berpegang kepada agama yang satu kemudian mereka berselisih. Adapun menurut Muhammad Husayn Salāmah elipsis bagi ayat 213 ini juga dapat diketahui berdasarkan firman Allah SWT pada potongan ayat *liyāhkumā baina an-nāsِ fīmākhtalafū fīhī*⁶¹. Manakala ungkapan partikel *fa'* menurut Ibn 'Ashūr yang disebutkan secara jelas pada ayat *fābā'athallāhu an-nabīyyīn* bertujuan untuk menjelaskan peranan para Nabi dan Rasul iaitu *liyāhkumā baina an-nāsِ fīmākhtalafū fīhī*⁶². Ungkapan tunjuk pula berfungsi bagi menerangkan *taqdir* ayat 213 ini pada lafaz *fākhtalafū* yang digugurkan selepas ayat *ummātan wahidātan*. Hal ini kerana diutuskan para Nabi dan Rasul kerana perselisihan yang terjadi sesama manusia ketika itu. Manakala menurut al-Baidhawi digugurkan perkataan *fākhtalafū* pada ayat yang dinyatakan itu bertujuan untuk menunjukkan konotasi yang terdapat pada ayat seterusnya,

⁶⁰ Al-Nahhas. (t.th). *I'rāb al-Qurān*.

<https://tafsir.app/iraab-alnahas/2/213>, dicapai pada tarikh 3 Disember 2021.

⁶¹ Husayn Salāmah. (2002). *Al-Ijāz al- Balāghī fī al-Qurān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-āfāq al-'Arabiyyah, 44.

⁶² Ibn 'Ashūr, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*.

sekaligus menunjukkan bukti terdapatnya perselisihan yang dinyatakan pada ayat *fimakhtalafū fihi*⁶³.

Hasil daripada analisis terhadap struktur ayat ini maka kajian mendapati bahawa terdapat potongan ayat yang telah digugurkan pada ayat 213 berdasarkan beberapa *qarinah* (ungkapan tunjuk). Pengkaji membuat kesimpulan bahawa perkataan *fakhtalafū* yang telah digugurkan ayat 213 ini mengandungi gaya bahasa elipsis yang dikategorikan sebagai elipsis ayat (*ijaz bi al-hazf al-jumlah*) kerana pengguguran yang berlaku itu pada satu ayat lengkap. ‘Alī Jārim & Mustafā Amīn turut menyokong kenyataan ini dan berpendapat bahawa elipsis ayat (*ijaz bi al-hazf al-jumlah*) bermaksud pengguguran yang berlaku pada satu ayat tertentu dalam ayat yang panjang dengan adanya ungkapan tunjuk (*qarinah*)⁶⁴.

Selain itu, elipsis pada ayat 213 ini juga terdiri daripada *fi'l* atau kata kerja yang telah digugurkan atau disebut *mahzuf*. Kata kerja yang digugurkan ini merujuk kepada lafadz *fakhtalafū* iaitu *fi'l madhi* atau disebut sebagai kata kerja kala lalu yang terletak sebelum potongan ayat *faba'athallahu an-nabiyyin*. Menurut Ahmad Kamal Embong, setiap kata kerja yang terdiri daripada beberapa elemen seperti kata kerja dan pelaku ini telah memenuhi syarat untuk dikategorikan sebagai satu ayat⁶⁵.

Elipsis bagi lafadz *fakhtalafū* pada ayat 213 ini dikategorikan sebagai elipsis ayat berbentuk kata kerja kala lalu atau disebut sebagai (*fi'l madhi*). Hal ini kerana perkataan *fakhtalafū* terdiri daripada *fi'l* dan *fa'il*. Kenyataan ini turut dijelaskan oleh Syukri et al. (2018) yang berpendapat bahawa *hazf fi'l* (elipsis kata kerja) merujuk kepada ketiadaan *fi'l* atau kata kerja pada ayat memberi petunjuk berlaku uslub *al-hazf* yang membawa makna tertentu⁶⁶. Manakala, berdasarkan kitab *Tahlil Kalimah al-Quran* lafadz *ikhtalafa* diklasifikasikan sebagai *fi'l madhi mazid khumasiy* dengan *wazan ifta'ala* sekaligus merupakan kata kerja yang telah

⁶³ Al-Baidhawi. (t.th). *Tafsir al-Baidhawi*. <https://tafsir.app/albaydawee/2/213>, dicapai pada tarikh 3 Disember 2021.

⁶⁴ ‘Alī Jārim & Mustafā Amīn. (1999). *Al-Balāghah Al-Wādiyah*. (Al-Maktabah Al-Syamilah).

⁶⁵ Ahmad Kamal Embong. (2019). *Analisis Gaya Bahasa al-Ijaz dan al-Itnab Dalam Surah Al-Kahf*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM.

⁶⁶ Rahman, M. S. A., Hussin, M. N., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., Abidin, S. Z., Salahuddin, N. (2018). Uslub Al-Hadhf (Elipsis) Dalam Al-Quran. International Journal of Humanities, Philosophy, Language, 1(3), m.s60-78.

digugurkan daripada ayat 213 ini. Hal ini menjadikan seolah-olah ayat yang lengkap baginya adalah seperti berikut:

كَانُواْ أُنَاسٌ أُمَّةً وَحِدَةً فَأَخْتَلُفُواْ فَبَعَثَ اللَّهُ الْيَسِّيرَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ

Maksudnya:

Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisih maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka).

(Al-Baqarah: 213)

Kesimpulannya, walaupun secara *zahir* ayat 213 yang dinyatakan ini membincangkan berkenaan tujuan diutuskan para Nabi dan Rasul namun menurut al-Zuhayli ayat ini turut mengandungi elemen retorik *balaghah* atau keindahan gaya bahasa berbentuk elipsis. Perkataan *fakhtalafū* pada potongan ayat 213 ini dikategorikan sebagai elipsis ayat (*ijaz bi al-hazf al-jumlah*) yang mengandungi kata kerja kala lalu (*fi'l madhi*) sekaligus elipsis pada ayat ini diistilahkan sebagai *jumlah al-fi'liyah* kerana terdiri daripada *fi'l* dan *fa'il*. Sungguhpun demikian, gaya bahasa elipsis pada ayat yang dinyatakan ini iaitu pada potongan ayat *kana an-nas ummatan wahidatan* dapat dirungkai menerusi *qarinah*. Sebagai contoh, *qarinah* gaya bahasa elipsis pada ayat tersebut dapat diketahui berdasarkan ungkapan para sarjana, menerusi konteks ayat yang datang setelahnya. Iaitu dengan merujuk kepada penyebutan lafadz *ikhtalafa* yang datang selepas potongan ayat tersebut dalam ayat yang sama iaitu ‘*wa ma ikhtalafa fihi illal lazina utuh*’. Bahkan, gaya bahasa berbentuk elipsis ayat (*ijaz bi al-hazf al-jumlah*) pada lafadz *fakhtalafū* dalam ayat 213 yang telah digugurkan ini juga dapat dirungkai dengan merujuk surah Yunus ayat 19 iaitu pada potongan ayat *ummatan wahidatan fakhtalafū*.

A) Fungsi dan peranan gaya bahasa ayat 213

Bertitik tolak daripada kajian gaya bahasa elipsis (*ijaz bi al-hazf*) ini, kajian mengemukakan tiga penjelasan tentang peranan keindahan gaya bahasa dan fungsi unsur retorik yang terdapat pada ayat 213 seperti berikut:

- a. Meringkaskan dan memendekkan

Elipsis ayat (*ijaz bi al-hazf al-jumlah*) yang telah digugurkan pada ayat yang dinyatakan sudah sedia maklum dalam minda pendengar. Menurut al-Zamakhshari hal yang demikian ini mampu difahami secara menyeluruh dari konteks kisah amnya⁶⁷. Oleh itu, elipsis pada ayat ini berperanan untuk meringkaskan (*al-ijaz*) dan memendekkan (*al-ikhtisar*) sahaja. Kajian ini mengenal pasti bahawa keutamaan yang terserlah menerusi ayat tersebut lebih tertumpu dan bertujuan untuk menjelaskan peranan para Nabi dan Rasul kepada umat manusia. Maka lafadz *fakhtalafū* lebih sesuai tidak disebutkan pada ayat ini. Hal ini bertepatan dengan sikap masyarakat Arab yang lebih cenderung menggunakan ayat yang ringkas serta lebih memberi penekanan kepada maksud sesuatu ayat yang ingin disampaikan.

b. *Tarkiz ala al-muhim*

Melihat kepada perkaitan ayat ini dengan beberapa ayat selepasnya yang juga mengisahkan tentang soal perselisihan, ia dapat memberikan isyarat bahawa peranan para Rasul dan Nabi dalam menyelesaikan isu ini adalah lebih penting. Oleh yang demikian, situasi ayat ini lebih tertumpu kepada tujuan diutuskan para Nabi dan Rasul sebagai pembawa berita gembira bagi mereka yang melakukan kebaikan dan peringatan bagi mereka yang melakukan kemungkaran. Fungsi gaya bahasa yang terdapat pada ayat 213 ini disebut sebagai (*tarkiz ala al-muhim*). ‘Abdullah Sarhān al-Qarnī berpendapat bahawa digugurkan *fi'l* bertujuan untuk lebih menumpukan perhatian kepada ayat yang dinyatakan itu yang mana merupakan fokus penting yang ingin ditekankan bahawa mesej yang disampaikan itu perlu dititik beratkan oleh pendengar⁶⁸.

c. Menjaga keindahan susunan ayat

Gaya bahasa berbentuk elipsis (*ijaz bi al-hazf*) bertujuan untuk membentuk satu seni kalam yang unik dan indah dengan menyatakan akibat (*musabbab*) terlebih dahulu sebelum menyatakan sebab. Dalam konteks ayat ini, akibat (*musabbab*) diutuskan para Nabi telah dinyatakan tanpa menyebutkan sebab dutuskannya. Al-Alūsī menjelaskan bahawa dibuang terlebih dahulu takwilan ayat dan disebutkan tentang *akibat* (*musabbab*) iaitu tujuan diutuskan para Nabi dan

⁶⁷ Ahmad Kamal Embong. (2019). *Analisis Gaya Bahasa al-Ijaz dan al-It nab Dalam Surah Al-Kahf*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM.

⁶⁸ ‘Abdullah Sarhān al-Qarnī. *Hazf fi'l al-qawl wa Syawāhiduhu fi Surah al-Baqarah Dirasāt Nahwiyyah wa Dilaliyyah*.

<http://mohamedrabeea.net/library/pdf/71bb23eb-5f21-473f-a075-0c5bdd581e16.pdf>, dicapai pada tarikh 3 Disember 2021.

Rasul⁶⁹. Muhammad Husayn Mustafa menjelaskan bahawa lafaz *fakhtalafū* yang digugurkan ayat 213 ini merupakan sebab utama Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul sebagai pemberi khabar gembira mahupun amaran. Beliau turut membincangkan ayat ini dalam topik elipsis ayat yang mengandungi sebab iaitu digugurkan sebabnya namun dinyatakan *musabbab* secara ringkas⁷⁰. Berdasarkan keindahan susunan ayat yang dinyatakan ini ia bertujuan untuk meningkatkan keimanan sekaligus untuk menambah perbendaharaan gaya bahasa yang memiliki nilai-nilai sastera yang tinggi. Bahkan, bertujuan untuk membuktikan bahawa gaya bahasa elipsis turut digunakan dalam mempelbagaikan gaya penulisan.

8. Kesimpulan

Perkembangan penulisan ilmu tafsir di kalangan sarjana Islam semakin pesat berkembang sehingga kepada perbahasan ilmu tafsir yang melibatkan disiplin ilmu bahasa Arab seperti retorik al-Quran. Hal ini demikian kerana, keindahan gaya bahasa (retorik) dalam al-Quran mempunyai hubung kait yang erat dalam merungkai kemukjizatan al-Quran. Walaupun perkembangan penulisan tafsir al-Quran turut terkesan dengan kemajuan teknologi semasa namun, mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dari sudut ketinggian bahasa dan sastera tidak boleh dipisahkan. Ini kerana keunggulan dari sudut bahasa dan sastera ini bahkan merupakan cabaran yang menjadi pencetus kepada masyarakat sejak 1400 tahun lalu dan ianya kekal sehingga kini.

Tambahan pula, cabaran-cabaran yang dikemukakan dalam al-Quran ini masih tidak dapat ditandingi sehingga hari ini. Antara faktor yang menyumbang kepada kegagalan usaha mereka untuk menandingi al-Quran kerana keindahan gaya bahasanya. Kenyataan ini turut disokong oleh para sarjana yang menegaskan bahawa keindahan gaya bahasa adalah punca utama yang menggagalkan usaha mereka untuk berbuat demikian.

Dengan ini, kajian mendapati bahawa kemukjizatan al-Quran dan keindahan gaya bahasa dalam ilmu balaghah (retorik) mempunyai hubungan yang erat untuk merungkai makna ayat tersurat mahupun tersirat agar objektif yang ingin disampaikan adalah jelas. Mengenal pasti dan mengkaji penyebutan gaya bahasa

⁶⁹ Al-Alūsī, Mahmud. (t.th.). *Tafsīr Rūh al-Ma’ānī fī al-Qurān al-‘Aẓīm*. Bayrūt: Ahya’ al-Turāth al-‘Arabi.

⁷⁰ Husayn Salāmah. (2002). *Al-Ijāz al-Balāghī fī al-Qurān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-āfāq al-‘Arabiyyah, m.s24.

pada sesuatu ayat menjadikan pengkaji lebih memahami maksud isi kandungan yang ingin disampaikan. Seterusnya, dapat merungkai peranan penyebutan gaya bahasa dan fungsi pada ayat dengan menyingkap rahsia di sebalik elemen retorik tersebut.

Jika diperhatikan konteks ayat 213 dalam surah al-Baqarah maka, perkataan satu umat yang disebutkan pada permulaan ayat ini adalah merujuk kepada keperluan agar diutuskan para Nabi dan Rasul. Walau bagaimanapun, perkataan *fakhtalafū* yang digugurkan itu bukan merupakan fokus utama yang ingin disampaikan dalam ayat ini akan tetapi pengguguran atau elipsis bagi lafaz *fakhtalafū* di sini justeru menjadi sebab utama mengapa para Nabi dan Rasul itu diutuskan.

Pembuktian retorik elipsis pada ayat 213 ini dapat dikesan melalui beberapa sudut. Walaupun kaedah yang digunakan bagi menentukan terdapat pengguguran pada ayat tersebut adalah berbeza namun, mereka bersepakat mengatakan bahawa sebahagian potongan ayat telah digugurkan daripada ayat 213 ini. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat penggunaan elemen gaya bahasa elipsis pada ayat tersebut yang mengandungi makna berbentuk estetik dan retorik.

Pada ayat 213 ini Allah SWT menegaskan tujuan dan tugas para Rasul AS sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran kepada umat manusia. Kajian mendapati perkataan *wahidatan* yang terdapat pada ayat ini berfungsi sebagai penegasan (*al-ta'kid*) yang mengukuhkan tujuan kebangkitan para Rasul. Ayat ini juga membawa peranan sebagai pengkhususan (*al-takhsis*). Ia memfokuskan tugas para Rasul AS kepada dua elemen iaitu sebagai pembawa berita gembira dan juga amaran kepada manusia. Manakala menurut Ibn 'Ashūr pengertian *wahidatan* pada ayat ini bermaksud penyatuan atau persamaan dalam beragama, ianya berdasarkan kepada ungkapan tunjuk (*qarinh*) pada ayat *fakhtalafū*.

Secara kesimpulannya, setiap aspek-aspek kajian kemukjizatan al-Quran yang dilakukan terutamanya yang bertujuan untuk merungkai kemukjizatan al-Quran perlu memberi penekanan dan menitik beratkan perbahasan berkaitan keindahan gaya bahasa yang terdapat pada ayat yang dinyatakan tanpa memfokuskan hanya kepada sesuatu aspek yang dibahaskan itu sahaja. Ianya agar kajian kemukjizatan al-Quran berpaksi kepada tujuan utama penurunan al-Quran iaitu sebagai mukjizat yang kekal sehingga akhir zaman.

RUJUKAN:

- ‘Abdullah Sarhān al-Qarnī. *Hazffi'l al-qawl wa Syauāhiduhu fi Surah al-Baqarah Dirasāt Nahwiyyah wa Dilaliyyah.* <http://mohamedrabeea.net/library/pdf/71bb23eb-5f21-473f-a075-0c5bdd581e16.pdf>, dicapai pada tarikh 3 Disember 2021.
- ‘Alī Jārim & Mustafā Amīn. (1999). *Al-Balāghah Al-Wādīhah.* (Al-Maktabah Al-Syamilah).
- Abdullah Basmeih. (2001). *Al-Quran Al-Karim: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.* Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdurrahman. (2016). *Mukjizat Al-Quran Dalam Berbagai Aspeknya.* Al-Qolam Jurnal Pusaka.
- Abu Zaki bin Haji Ismail. (2013). *Polemik I'jaz al-Qur'an dari I'jaz Balaghi hingga i'jaz 'Adadi.* The 3rd Annual International Quranic Conference 2013. (13- 14 Mac 2013). Center for Quranic Research, UM.
- Abu Zaki Ismail. (2013). Klasifikasi Data dan Penemuan Kajian Angka Dalam al-Qur'an. Kertas persidangan The 3rd Annual International Quranic Conference 2013 (MUQADDAS III), 13-14 March 2013, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.
- Abu Zaki Ismail. (2017). *Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassam Nihad Jarrar Dan 'Abd al-Daim Al-Kahil.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Aḥmad Ḥasan Farhāt. (2007). *Al-Ḍawābiṭ al-Syar'iyyāh li Dirāṣah al-I'jāz al-'Adādī fi al-Quran.* Buhūth al-Nadwāh al-Thāniyyah li I'jāz fī al-Quran al-Karīm Al-'Ijaz Al-'Adādī Fi Al-Quran Al-Karīm di Dubai International Holy Quran Award. 12&13 Mac.
- Ahmad Kamal Embong. (2019). *Analisis Gaya Bahasa al-Ijaz dan al-Itnab Dalam Surah Al-Kahf.* Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Al-‘Aānī, Abdul Qahar. (2010). *I'jāz al-Qur'añ.* Irbid: ‘Ālam al-Kutub al-Ḥadīth.
- Al-Alūsī, Mahmud. (t.th.). *Tafsīr Rūh al-Ma'ānī fī al-Quran al-'Azīm.* Bayrūt: Aḥyā' al-Turāth al-‘Arabi.
- Al-Baidhawi. (t.th.). Tafsir al-Baidhawi. <https://tafsir.app/albaydawee/2/213>, dicapai pada tarikh 3 Disember 2021.
- Al-Baqqā'i. (t.th.). Nazm al-Durār. [نظم الدرر للباقعى | الباحث القرانى 2:213 \(tafsir.app\)](https://tafsir.app/), dicapai pada tarikh 21 Jun 2021.
- Al-Hāshimī, Ahmad al-Saīd. (1994). *Jawāhir Al-Balāghah fī al-Ma'āni wa al-Bayān wa al-Badī'.* Bayrūt: Dār al-Fikr.

- Al-Kabīsī, ‘Abd Wāhid Ḥamīd & Muḥammad Sāmī Farhān. (2013). *Lughah al-Arqām wa Athāruhā fī Dirāṣah al-Quran al-Karīm wa I’jāzihī*. Kertas persidangan di The 3rd Annual International Quranic Conference 2013 (MUQADDAS III), 13-14 March 2013, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.
- Al-Maghmasi. (t.th.). Silsilah Mahasin al-Takwil. <https://almaktaba.org/book/32263/203>, dicapai pada tarikh 6 Jun 2021.
- Al-Nahhas. I’raab al-Quran. (t.th.). <https://tafsir.app/iraab-alnahas/2/213>, dicapai pada tarikh 3 Disember 2021.
- Al-Qurtubi. (1940). Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. *Al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Sya’rawi, Muhammad Mutawalli. (1985). *Mu’jizat al-Quran*. Terj. Ismail. Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd.
- Al-Syawkānī. (2008). *Tafsīr Fath al-Qadīr*. Sayyid Ibrahim (pnyt.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Ṭabarī. (2008). *Tafsīr al-Ṭabarī*. Ahmad Abdurraziq al-Bakri (pnyt.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Zuhāyli, Wahbah. (2011). *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqidah wa al-Syari’ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Badiuzzaman Said Nursi. (2019). *Al-Mu’jizat al-Qur’aniyyah*. Terj. Fauzi Faisal Bahreisy. Banten: Risalah Nur Press.
- Caner Taslaman. (2010). *Unchallengeable Miracle*. Terj: Ary Nilandari. Bandung: Mizan.
- Faizah Ali Syibromalisi. (t.th.). *Uslub al-Hazf Dan Efek Psikologis Estetika Al-Quran Terhadap Pembaca Dan Pendengarnya*.
- Fatma Hakim. (1998). *Mu’jizat al-Quran dan I’jaz Ilmi dalam al-Quran*. Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Padang.
- HAMKA. (1965). *Tasir al-Azhar*. Jakarta: P.T Pembimbing Bangsa.
- Hamzah & Basri Mahmud. (2020). *Penggunaan Asalib Al-Ma’ani Di Beberapa Ayat Dalam Al-Qur'an Al-Karim*. Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab VI Malang, 4 Oktober 2020.
[#LIHATSINI](https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Elipsis&d=102572), dicapai pada tarikh 26 Jun 2021.
- <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/31014/1/Faizah%20Ali%20Syobromalisi-FU.pdf>, dicapai pada tarikh 21 Jun 2021.
- Husayn Salāmah. (2002). *Al-I’jāz al-Balāghī fī al-Quran al-Karīm*. Kaherah: Dār al-āfāq al-‘Arābiyyah.
- Ibn ‘Ashūr. (1984). *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār al-Tunisia li al-Nashr.

- Ibn Kathīr. (2009). *Ṣaḥīḥ Tafsīr Ibn Kathīr*. Terj: Ibn Ihsan al-Atsari. Jakarta: P.T Pustaka Ibn Kathīr.
- Intan Nor Syahira Ahmad & Md Nor Abdullah. (2021). *Tinjauan Literatur Kajian Bilangan Dalam Al-Quran: Satu Tinjauan Umum*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 4(2).
- Kamus Dewan, (2005). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khazri Osman & Md. Nor Abdullah. (2019). *Keindahan Gaya Bahasa Al-Quran Dalam Uslub Hiwar Kisah Nabi Ibrahim AS*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mikdar Rusdi. (2014). *Konotasi Angka Dalam Al-Quran: Suatu Pendekatan Tafsir Maudū’i*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad Amir Mohd Dahalan. (2017). *Dilalah Ijaz Dalam Juz Amma Dan Hubungannya Dengan Penciptaan Manusia Dan Alam*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohamad Amir Mohd Dahalan. (2019). *Hubungan Dilalah Ijaz dalam Juz ‘Amma dengan Alam dan Penciptanya*. GJAT, 9 (1).
- Mohd Shahrizal Nasir. (2017). Elipsis (*al-Hadhf*) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah. MANU Bil. 25.
- Nabilah Halim & Suhaila Zailani. (2020). *Penterjemahan Isti’arah Kepada Metafora Dalam Kajian-Kajian Lepas*. Sains Insani, 5(2).
- Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, Morni Hussin & Arbai’e Sujud. (2020). *Penanda Elipsis Dalam Cerpen Dari Perspektif Stilistik*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 7(1).
- Rahman, M. S. A., Hussin, M. N., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., Abidin, S. Z., Salahuddin, N. (2018). Uslub Al-Hadhf (Elipsis) Dalam Al-Quran. International Journal of Humanities, Philosophy, Language, 1(3).
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Terj: Yusoff Zaky Haji Yacob. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Shahirah & Md. Nor Abdullah. (2019). *Estetik Taqdim Dan Ta’khir Dalam Surah Al-Baqarah*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(2).
- Subhi Salleh. (1977). *Kajian al-Quran*. (Terj. Zainal Abidin Abdul Kadir). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi. (2018). *Rahasia Al-Hazfu Dalam Gaya Bahasa Al-Quran*. Al-Mu‘ashirah, 15(2).